

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
DEPUTY SECRETARY GENERAL (MANAGEMENT)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel.: 03-8883 2540
Faks: 03-8889 5303

Ruj. Kami : KKM.500-5/3/17 Jld. 7(13)
Tarikh : **24** Februari 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera / Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PERUBAHAN SYARAT UMUM DAN PELANJUTAN TARIKH TUTUP IKLAN PENAWARAN BAGI TAWARAN A (PROGRAM SARJANA PERGIGIAN), TAWARAN B (PROGRAM SARJANA PERUBATAN) DAN TAWARAN D (PROGRAM *PARALLEL PATHWAY*) BAGI PENAWARAN SESI 2022/2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa KKM telah meneliti permohonan bagi kelonggaran syarat kepada Pegawai Perubatan / Pegawai Pergigian Lantikan Kontrak sebelum 1 Januari 2018 yang dilantik tetap sehingga 31 Disember 2020. Sehubungan itu, KKM telah membuat perubahan kepada syarat umum bagi Pegawai Perubatan / Pegawai Pergigian Lantikan Kontrak Sebelum 1 Januari 2018 yang dilantik tetap sehingga 31 Disember 2020 agar layak memohon bagi penawaran sesi 2022/2023 seperti di Jadual di bawah:

JENIS TAWARAN	KETERANGAN	SKIM
TAWARAN A	SARJANA PERGIGIAN	PEGAWAI PERGIGIAN LANTIKAN KONTRAK SEBELUM 1 JANUARI 2018 YANG DILANTIK TETAP SEHINGGA 31 DISEMBER 2020
TAWARAN B	SARJANA PERUBATAN DENGAN HLP	PEGAWAI PERUBATAN LANTIKAN KONTRAK SEBELUM 1 JANUARI 2018 YANG DILANTIK
	SARJANA PERUBATAN TAJAAN SUNWAY MEDICAL CENTRE SDN.BHD.	TETAP SEHINGGA 31 DISEMBER 2020
TAWARAN D	PROGRAM PARALLEL PATHWAY	TETAP SEHINGGA 31 DISEMBER 2020

3. Sehubungan itu, tarikh tutup iklan penawaran bagi Tawaran A (Program Sarjana Pergigian), Tawaran B (Program Sarjana Perubatan) dan Tawaran D (Program *Parallel Pathway*) adalah dilanjutkan seperti jadual berikut:

TARIKH	KETERANGAN
10 Mac 2022	Tarikh Tutup permohonan

4. Syarat-syarat permohonan dan maklumat lengkap mengenai tawaran ini boleh diakses melalui Sistem Permohonan eHLP KKM di laman sesawang: <http://ehlp.moh.gov.my> mulai jam 3.00 petang, 25 Februari 2022. Iklan penawaran akan dijalankan secara dalam talian sepenuhnya. Panduan bagi pemohon, Unit Sumber Manusia dan Ketua Jabatan adalah seperti di Lampiran.


5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato'/ Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kepada semua pegawai yang berminat dan berkelayakkan di Jabatan pihak YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato'/ Datin / Tuan / Puan.

Sekian terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HARJEET SINGH)

Salinan Kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YB Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan 1

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan 2

SENARAI EDARAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian

Semua Pengarah Kesihatan Negeri